

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Kajian berkenaan tingkah laku pengguna boleh dilihat daripada pelbagai sudut baik dari segi konsep mahupun strategi. Kebanyakan penyelidik meneroka aspek seperti pengaruh persekitaran dan individu dalam membuat keputusan membeli, bagaimana pengguna memproses maklumat yang diterima daripada pengiklanan dan promosi sebelum membuat keputusan, teori-teori asas tingkah laku pengguna dari sudut pemasaran ataupun yang selalu digunakan dalam penyelidikan serta gaya hidup pengguna yang menekankan sikap, minat dan pandangan (*Attitude / Activities, Interest, Opinion – A/O*) mereka terhadap sesuatu perkara ataupun produk.

Kajian gaya hidup pengguna atau '*Psychographic Research*' banyak dilakukan di negara Barat seperti kajian kes yang dilakukan oleh Joseph T. Plummer (1966) berkenaan gaya hidup dan pengiklanan dengan penggunaan metodologi *A/O* terhadap pengguna-pengguna Kad Kredit Bank dan '*The Heavy Beer Drinker*' ; manakala Wells dan Tigert (1971) menggunakan kaedah yang sama terhadap '*The User of Eye Makeup*' .

Setakat ini belum ada lagi kajian dibuat terhadap gaya hidup pengguna (menggunakan *A/O*) terhadap produk muzik secara langsung. Hal ini mendorong saya untuk membuat kajian perintis di kalangan belia bandar berusia 16 tahun hingga 30 tahun di sekitar Daerah Petaling Jaya dan Shah Alam terhadap muzik khususnya muzik Melayu Nusantara. Kajian ini akan cuba mengupas gelagat belia tiga kaum utama di Malaysia (Melayu, Cina dan India - melalui *A/O* mereka ) terhadap muzik dan lagu yang

berkonsepkan muzik Nusantara; apakah wujud perbezaan di antara kaum atau sebaliknya. Pengguna di kalangan belia dipilih kerana golongan ini memiliki tingkah laku yang cenderung terhadap muzik, sering mengunjungi tempat-tempat hiburan dan menjadi sasaran syarikat rakaman ketika mengsegmentasikan pasaran produk muzik mereka. Tingkah laku atau gaya hidup mereka selalunya mempamerkan sikap, minat dan pendapat yang selari dengan rakan sebaya dalam kumpulan dalam apa jua perkara yang mereka lakukan sehari-hari.

Selain daripada faktor yang mempengaruhi minat belia terhadap muzik secara umum, pandangan terhadap muzik dan lirik lagu Melayu Nusantara dan sikap mereka terhadap personaliti pilihan, kajian juga ingin meneliti cara mereka mendapatkan maklumat sama ada daripada media elektronik, media cetak atau kedua-duanya sekali. Hal ini secara tidak langsung memberi kesempatan kepada syarikat rakaman di Malaysia untuk mempengaruhi dan merancang strategi pemasaran (khususnya promosi) dengan mensegmenkan produk mereka mengikut kumpulan umur bagi mengaut keuntungan yang maksima. Persoalannya, apakah muzik berkonsepkan Nusantara dikenali dan diminati golongan ini dan bagaimana corak perbelanjaan mereka ke atas perkara ini?

### **1.1 Pernyataan Masalah**

- 1.1.1 Belia di peringkat bangku sekolah khususnya (remaja) merupakan pengguna yang tidak mempunyai kuasa beli yang tinggi (hanya mendapat elaun daripada ibu bapa / penjaga). Jadi, bagaimakah agaknya sikap mereka dalam mengagihkan perbelanjaan untuk memenuhi kehendak dan minat masing-masing terutama yang melibatkan keperluan hiburan dengan kuasa beli yang terhad tadi.

- 1.1.2 Berkaitan dengan jenis irama muzik, belia selaku pengguna lazimnya lebih cenderung membeli album-album artis Barat yang berunsurkan 'rock', 'rap', 'ballad' dan 'pop rock' (kajian literatur akan dilakukan dengan teliti bagi menyokong kenyataan ini). Persoalannya, wujud atau tidak kumpulan belia yang meminati dan membeli album yang di dalamnya terkandung lagu-lagu yang lebih berkonsepkan Melayu Nusantara ?
- 1.1.3 Banyak lagu Melayu di pasaran kini berunsurkan cinta dan belia selalu menjadi sasaran pencipta-pencipta lagu. Persoalannya, apakah belia alaf baru ini telah dapat membezakan antara lagu-lagu cinta yang dikatakan rendah mutunya berbanding kualiti lagu-lagu Melayu Nusantara seperti lagu ciptaan dan dendangan M.Nasir yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi.

## 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dibuat dengan berpandukan beberapa objektif khusus supaya setiap langkah dan penyelidikan tidak lari daripada matlamat asal. Objektif-objektif kajian saya ialah :-

- 1.2.1 Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat dan tingkah laku belia terhadap muzik.
- 1.2.2 Untuk meneliti minat, sikap dan pendapat (AIO) belia tiga kumpulan etnik utama di Malaysia terutama di kawasan bandar terhadap lagu-lagu berkonsepkan Melayu Nusantara.
- 1.2.3 Untuk mengkaji tahap pemahaman belia tiga etnik utama terhadap lirik lagu-lagu Melayu Nusantara.

- 1.2.4 Untuk meneliti sama ada penyanyi lagu-lagu yang berkonseptan Melayu Nusantara diminati kerana keindahan lagu-lagu mereka ataupun penampilan diri mereka yang menarik.
- 1.2.5 Menyediakan satu rangka kasar kepada syarikat rakaman bagaimana mereka boleh mengsegmentasikan pasaran album ( terutama di kalangan belia ).

### **1.3. Skop Kajian**

Skop kajian ini membataskan kepada dua perkara utama iaitu:

- 1.3.1 Tumpuan kajian adalah penyanyi lagu Melayu, Melayu Nusantara selaku celebiriti dan lagu-lagu berkonseptan Melayu Nusantara yang ada pada hari ini.
- 1.3.2 Belia yang menjadi responden adalah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Daerah Petaling dan Shah Alam, pelajar-pelajar Universiti Malaya dan belia bekerja sekitar Daerah Petaling Jaya dan Shah Alam.

### **1.4. Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang bererti kepada beberapa pihak terlibat khususnya belia dan masyarakat amnya.

Besar harapan saya agar kajian ini dapat :-

- 1.4.1 Menyediakan maklumat bagaimana mesej yang terdapat dalam lagu-lagu Melayu Nusantara dapat mendidik dan menyumbang kepada perkembangan sahsiah yang sihat dan peningkatan moral yang tinggi di kalangan kaum belia masa kini.

- 1.4.2 Menyediakan maklumat -maklumat baru dalam dunia pendidikan sejauh mana laras bahasa dalam lirik lagu-lagu Melayu Nusantara dapat menanamkan minat dan kesedaran terhadap penggunaan Bahasa Melayu yang betul dan puitis.
- 1.4.3 Mengenalpasti aspek yang menjadi kegemaran belia masa kini dan menyusunatur strategi yang bersesuaian sama ada dalam proses pemilihan lagu ataupun artis dan mana-mana aktiviti rakaman; khususnya dalam menjadualkan penghasilan album-album yang mengandungi lagu-lagu yang sesuai dan dapat memenuhi serta menepati citarasa pengguna di kalangan belia dan secara tidak langsung meningkatkan penjualan album artis naungan syarikat.

## **1.5. Organisasi laporan kertas projek**

Laporan kajian kertas projek ini akan dibuat dalam lima bab. Bab pertama membincangkan latar belakang kajian yang mencakupi objektif-objektif kajian, hipotesis, skop dan kepentingan serta bagaimana susunan laporan dibuat.

Bab Kedua akan menghuraikan definisi-definisi konsep yang digunakan sepanjang perbincangan kertas projek ini dari awal hingga ke akhir dan meliputi semua terma dari sudut pengurusan perniagaaan khususnya tingkah laku dan pemasaran serta muzikologi. Penghuraian perlu supaya pembaca jelas dengan penggunaannya dan dapat mengenalpasti dan memahami keseluruhan maksud kajian. Oleh kerana kajian tajuk yang serupa belum pernah dibuat, maka beberapa kajian lalu yang berhubung langsung dengan tingkah laku pengguna dan skop muzik yang berkaitan akan turut diulas oleh pengkaji. Ini perlu untuk melihat sebarang kecenderungan atau hasil kajian yang hampir sama terhadap perilaku belia masa kini.

Bab Ketiga akan membincangkan berkenaan dengan metodologi kajian. Ia termasuklah penerangan berkenaan dengan beberapa kaedah dan alat statistik yang akan digunakan semasa proses mengumpul dan menganalisis data. Kaedah dan alat tersebut termasuklah maklumat-maklumat berkenaan demografi dan gaya hidup atau '*psychographnic*' yang melibatkan kajian terhadap A/O belia secara yang lebih khusus . Bab ini juga akan mengupas bagaimana persampelan dilakukan, cara-cara pengumpulan data primer dan sekunder, menganalisis data serta pengujian hipotesis.

Bab Keempat akan menghuraikan secara terperinci keputusan analisis data atau hasil kajian, manakala Bab Kelima merupakan ringkasan berkenaan kajian dan beberapa cadangan kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang. Batasan-batasan kajian turut dijelaskan bagi menguatkan lagi kekurangan hasil kajian yang diperolehi.